

Pembesar Suara Mudah Alih Marshall yang Baru & Dipertingkatkan Kini Tiba di Pasaran Malaysia Dengan Penuh Gegaran!

Pembaruan terbaru Marshall untuk pembesar suara mudah alihnya, Willen II dan Emberton III, kini tiba di Malaysia dengan penuh meriah.

KUALA LUMPUR, 9 September 2024- [Ash Asia](#), pengedar rasmi bagi jenama pembesar suara [Marshall](#), telah membawa ke Malaysia dua versi baru pembesar suara mudah alihnya, Willen II - *bunyi gempak di mana-mana dengan lebih 17 jam masa main mudah alih*, dan Emberton III, *pembesar suara mudah alih yang mempunyai kekuatan luar biasa dengan lebih 32 jam masa main mudah alih*.

Dengan Willen II, dunia adalah taman musik anda. Reka bentuknya yang ringan dan bunyi yang hebat bermakna anda boleh menghidupkan suasana di mana-mana sahaja. Jadikan kawasan beriadah anda tempat mendengar musik terbaru, atau bilik tidur anda menjadi gig yang lebih intim. Dengan lebih 17 jam masa main pada satu pengecasan dan tali pengikat, Willen II bersedia untuk pergi ke mana sahaja anda berada.

Ciri-Ciri Utama Willen II:

Bunyi Signature Marshall: Dengarkan audio yang seimbang dengan suara bes yang lebih kuat. Versi ini dilengkapi dengan pemacu yang ditingkatkan supaya setiap frekuensi bersinar - memastikan bunyi yang seimbang pada setiap tahap kelantangan musik atau audio. Dengan rangka yang lebih besar, ia memaksimumkan suara bes dan prestasi akustik keseluruhan.

Masa Main Mudah Alih Lebih 17 Jam: Dengarkan musik kegemaran anda di mana-mana sahaja, dengan lebih 17 jam masa main mudah alih pada satu pengecasan penuh (masa pengecasan 2.5 jam). Sebagai alternatif, pengecasan selama 20 minit memberikan masa main selama 5.5 jam.

Tahan Debu dan Air: Hujan dan kotoran tidak akan menghentikan anda daripada mendengar musik. Dengan reka bentuk ikonik Marshall yang bukan sahaja cantik, Willen II mempunyai penarafan IP67 tahan debu dan kalis air, yang boleh berada di dalam air sedalam 1m selama 30 minit.

Tali Pengikat: Pasangkan pembesar suara anda di mana-mana sahaja. Tali pengikat getah Willen II membolehkan ia berdiri, diletakkan secara mendatar, dipasang pada objek, ataupun digantung, menjadikannya pembesar suara serbaguna yang jitu. Ke mana sahaja anda pergi, musik akan mengikuti anda.

Mikrofon Terbina Dalam: Willen II dilengkapi dengan mikrofon terbina dalam, jadi anda boleh membuat panggilan bebas tanga sepenuhnya. Letakkan pembesar suara mudah alih anda di mana sahaja, di mana perbualan tidak akan mengganggu aktiviti harian anda.

Bluetooth LE Audio-Ready: Dibina dengan 'Bluetooth LE Audio-ready', teknologi masa depan ini akan membuka dunia baharu dan pelbagai kemungkinan perkongsian audio dengan Auracast™. Dengan ini, tiada apa yang akan menghalang masa mendengar musik anda.

Sementara itu, Emberton III adalah bukti bahawa tidak semua pembesar suara dicipta dengan rekabentuk dan fungsi yang sama. Ada yang boleh menjadi runut bunyi kehidupan anda sambil menentang debu, kotoran, dan hujan. Emberton III mampu melakukan semua itu dan lebih lagi. Ia bukan sekadar sebuah perhiasan, ia direka untuk menghidupkan suasana, di mana sahaja ia berada. Anda boleh melemparkannya dalam beg, mencampakkannya di tempat duduk belakang kereta, membawanya dalam perjalanan merentas negara, mahupun ke pantai, tanpa rasa risau. Pembesar suara mudah alih ini bersedia untuk apa sahaja pengembaraan!

Ciri-Ciri Utama Emberton III:

Bunyi Signature Marshall: Dengar bunyi yang lebih penuh dengan tambahan suara bes yang lebih seimbang pada setiap volume. Ia menampilkan bunyi *signature* Marshall dengan *Dynamic Loudness* yang menyesuaikan keseimbangan ton untuk memastikan musik anda kedengaran hebat dan jelas pada setiap tahap volume. Dengan suara bes yang lebih besar daripada pendahulunya, ia akan menyuntik kuasa baru ke dalam lagu-lagu kegemaran anda, terutama sekali pada volume maksimum.

True Stereophonic: Alami bentuk bunyi pelbagai-arah yang unik dari Marshall. *True Stereophonic* adalah bunyi stereo, tetapi tidak seperti yang pernah anda dengari. Tersedia secara eksklusif pada produk Marshall, alami bunyi ruang dan binaural unggul yang mengelilingi anda, mengisi mana-mana ruang. Ini adalah bunyi 360 darjah yang mutlak, di mana musik akan menemui anda.

Masa Main Mudah Alih Lebih 32 Jam: Dengarkan musik kegemaran anda berjam-jam lamanya, dengan lebih 32 jam masa main pada satu pengecasan - dengan pengecasan penuh selama 2 jam, berbanding 3 jam dengan versi sebelumnya. Untuk kegunaan pantas, tempoh pengecasan selama 20 minit akan memberikan masa main selama 6 jam.

Tahan Debu dan Air: Emberton III dibina dengan reka bentuk lasak yang boleh menentang debu dan hujan. Dengan penarafan IP67 tahan debu dan kalis air, pembesar suara mudah alih ini boleh berada di dalam air sedalam 1m selama 30 minit.

Mikrofon Terbina Dalam: Tidak seperti pendahulunya, Emberton III kini dilengkapi dengan mikrofon terbina dalam, jadi anda boleh membuat panggilan bebas tangan sepenuhnya. Buat pertama kalinya, anda boleh membuat panggilan sambil bersiap untuk memulakan hari anda atau bersedia untuk ke gig.

Bluetooth LE Audio-Ready: Emberton III dibina dengan *Bluetooth LE Audio-ready*. Teknologi masa depan ini akan membuka dunia baharu dalam perkongsian audio dengan Auracast™, jadi tiada apa yang boleh menghalang anda dan musik anda.

Pembesar suara ikonik Marshall yang inovatif, futuristik, dan serba canggih ini memastikan musik kedengaran lebih baik untuk pendengar, di mana-mana dan pada bila-bila masa sahaja. Willen II dan Emberton III akan berada di pasaran dan boleh didapati di rakan kongsi runcit rasmi kami seperti Flash Gadgets, Harvey Norman, Thunder Match Technology, dan banyak lagi. Senarai penuh pasaran runcit boleh didapati di laman [Instagram](#) rasmi Ash Asia (Malaysia). Pembesar suara Marshall juga tersedia dalam talian di kedai e-dagang rasmi Marshall di platform Shopee (<https://shopee.com.my/marshall.os>) dan juga Lazada (<https://www.lazada.com.my/shop/marshall/>) bermula 12 September 2024.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Marshall dan produknya, ikuti Ash Asia di Instagram (https://www.instagram.com/ashasia_malaysia/).

-TAMAT-

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Sakti Kana

Pengurus Jenama Marshall, Malaysia.

saktikana@ash-asia.com

016-2661085

Tentang Ash Asia

Ditubuhkan pada 2009, Ash Asia ialah pengedar terkemuka bagi produk audio premium di seluruh Asia Tenggara. Sebagai pengedar rasmi untuk fon kepala dan pembesar suara Marshall, Ash Asia telah memainkan peranan penting dalam memperkenalkan bunyi dan reka bentuk ikonik Marshall di rantau ini termasuk Malaysia. Syarikat itu berdedikasi untuk membantu jenama global dengan penceritaan menarik dan berjaya dalam pasaran tempatan, menawarkan pemasaran strategik, perkongsian runcit dan sokongan pelanggan. Dengan semangat untuk menggabungkan teknologi, musik dan budaya, Ash Asia telah memainkan peranan penting dalam meningkatkan kehadiran Marshall dalam komuniti gaya hidup di seluruh Asia Tenggara.